

BAB III

TINJAUAN UMUM ENAKMEN JINAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

A. Ketentuan *Qanun* Di Mahkamah Syariah Di Malaysia

Penerapan hukuman Islam yang berjalan di tanah Melayu yaitu kanun Melaka yang diberlakukan pada masa Melayu kuno menunjukkan bahwa hukum syarak telah diakui dan dijalankan di tanah Melayu. Sebelum datangnya penjajah, undang-undang yang diikuti di negeri-negeri Melayu ialah undang-undang Islam yang menyerap adat Melayu yang sesuai. Setelah penjajahan Inggris, undang-undang Inggris diterima di negeri-negeri Melayu dengan dua kaidah; pertama dengan kaidah perundangan melalui perundangan dan kedua pihak berkuasa British telah menasehati Raja-Raja Melayu agar membuat beberapa undang-undang tertulis dan undang-undang itu semua mengikuti contoh undang-undang Inggris secara langsung atau tidak.¹

¹ Ahmad Mohammed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2001) hlm.41.

Dalam berbagai perjanjian yang dibuat Raja Melayu dengan pihak Inggris, telah dinyatakan bahwa Raja-Raja Melayu bersepakat menerima semua nasehat Inggris kecuali dalam hal ihwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Walaupun peruntukan tersebut diadakan, namun Inggris pada hakikatnya telah campur tangan dalam hal ihwal Islam serta administrasinya. Inggris juga telah memasukkan keputusan hakim ke negeri-negeri selat, negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Borneo dan akhirnya akta undang-undang bertulis yang berkenaan mahkamah hendaklah memakai *common law England* dan kaidah-kaidah ekuiti yang di England.

Undang-undang Inggris diperkenalkan secara resmi pada tahun 1937. Ketika kedudukan undang-undang Inggris bertambah kukuh, kedudukan undang-undang Islam pula semakin tergoyah dan terpisah karena mahkamah-mahkamah di Malaysia (tidak termasuk Syariah) akan menjalankan undang-undang Inggris (*common law and equity*).² Sekalipun mahkamah Syariah tidak termasuk dalam menjalankan undang-undang Inggris, tetapi Mahkamah Syariah telah dialokasikan dalam melaksanakan hukuman dalam kasus

² Abd Monir Haji Ya'kub, *perkembangan perundangan Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka) hlm. 66

jinayah, dengan maksud apa-apa yang dibawah Mahkamah Syariah adalah yang telah ditetapkan perlembagaan.

Wewenang Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman adalah tertakluk kepada peruntukan akta parlemen, yaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jinayah) 1965 (Pindaan 1984). Akta ini telah membatasi kebebasan dan kuasa negeri berkaitan dengan bidang kuasa jinayah Mahkamah Syariah. Akta ini menetapkan Dewan Undangan Negeri hanya boleh mengubah kesalahan jinayah syariah yang hukumannya tidak melebihi 3 tahun penjara, denda lima ribu ringgit (RM 5000 bersamaan RP 15.000.000), dan enam kali cambuk.³ Dalam hal yang demikian, Dewan Undangan Negeri tidak boleh mengubah hukuman yang lebih dari yang dinyatakan di atas. Akibatnya undang-undang Islam sebetulnya tidak lagi menjadi undang-undang asas di Malaysia, dan tempatnya telah diambil oleh undang-undang Inggris.

Dari sudut sejarah, Mahkamah Syariah telah dipinggirkan sewaktu penjajahan Inggris. Mahkamah Syariah telah direndahkan kedudukannya sehingga menjadi mahkamah terbawah di dalam hierarki sistem keadilan semasa penjajahan Inggris, terutama

³ Pasal 2 Akta No. 355 tentang Mahkamah Syariah (bidang kuasa Jenayah) 1965 yang diamendemen tahun 1984, hlm. 40

setelah Inggris memperkenalkan *courts ordinance* dalam tahun 1948. Sementara itu bidang kuasa Mahkamah Syariah telah dikikis dan keperluan prasarana telah diabaikan. Layanan ke atas Mahkamah Syariah adalah berbeda dengan Mahkamah Sipil.⁴

Mahkamah Syariah di negeri-negeri telah ditubuhkan di bawah Enakmen Administrasi Agama Islam di Negeri-negeri, selaras dengan Butiran 1 senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya juga disertai dengan bidang kuasa eksklusifnya, yang melibatkan tuntutan ke atas kasus-kasus dan kasus jinayah setakat yang ditetapkan dalam perlembagaan persekutuan bagi orang-orang yang beragama Islam.⁵

Dalam melaksanakan bidang kuasa jinayahnya pula, Mahkamah Syariah pada peringkat awal tidak diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman cambuk terhadap setiap orang yang telah dihukum bersalah atas sesuatu kesalahan Jinayah Syariah. Ini adalah kerana berdasarkan kepada *Muslim Courts (Criminal Jurisdiction)*

⁴ Zainul Rijal Abu Bakar, *Kertas Kerja Pelaksanaan Hukuman Cambuk Dalam Kes Jinayah Syariah: Cabaran dan Halangan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)

⁵ *Pelaksanaan Hukuman Cambuk dalam Kes Jinayah: masalah dan penyelesaiannya* oleh Mahamad Naser bin Disa, Timbalan Ketua Bahagiann Penyelidikan (seksyen Syariah), Jabatan Peguam Negara dengan Kawan-kawan. Dibentangkan dalam seminar Hukuman Cambuk Jinayah Syariah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada April 2009.

Act 1965 [No. 23 of 1965], Mahkamah Syariah pada masa itu, dibawah bidang kuasa jinayahnya, hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kasus-kasus jinayah yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan dan denda tidak melebihi seribu ringgit atau kedua-duanya.

Pada tahun 1986, suatu perubahan telah dibuat melalui Akta A612, yang memberi kuasa kepada pengadilan Syariah untuk mendengar dan menjatuhkan sanksi terhadap kesalahan jinayah Syariah yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga tahun denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sanksi cambuk tidak melebihi enam kali cambukan atau kedua-duanya. Terkini, akta tersebut telah dikenali sebagai Akta *Mahkamah-Mahkamah Syariah* (Bidang Kuasa Jinayah) 1965 [Akta 355] dan bidang kuasa yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang dikenakan sanksi tersebut dikekalkan. Dengan bidang kuasa yang diberikan tersebut, hukuman cambuk telah menjadi salah satu daripada hukuman terhadap beberapa kesalahan yang telah ditetapkan di bawah

enakmen, ordinan, akta kesalahan Jinayah Syariah di Negeri-negeri dan Wilayah-Wilayah Persekutuan.⁶

Sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia, kuasa Mahkamah Syariah adalah dibawah enakmen negeri. Tetapi tidak melebihi apa yang telah ditetapkan, sebagaimana dalam Perlembagaan Malaysia 1965:

1. Kuasa Mahkamah Syariah yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia 1965 adalah seperti berikut:
 - a. Boleh membicara dan menghukum dengan hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam saja;
 - b. denda tidak melebihi RM 1000.00 saja atau;
 - c. 6 bulan penjara atau;
 - d. gabungan kedua-duanya (denda dan penjara);
 - e. (pindaan) Perlembagaan Malaysia 1984.

Kuasa Mahkamah Syariah yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia 1984 dengan pindaan adalah seperti berikut:

1. Boleh membicara dan menghukum dengan hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam saja

⁶ http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahkamah_Syariah_di_Malaysia, (diunduh pada 21 Desember 2017)

- a. Denda tidak melebihi RM5000.00 saja atau;
 - b. 3 tahun penjara atau;
 - c. hukuman *rotan* (cambuk) tidak melebihi daripada enam kali cambukan atau;
 - d. gabungan ketiga-tiganya (denda, penjara dan cambuk).
2. Enakmen dan Akta Kekeluargaan Islam di Malaysia

Undang-undang kekeluargaan Islam merupakan suatu akta bagi mengkanun ketentuan-ketentuan tertentu undang-undang kekeluargaan Islam mengenai perkawinan, penceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain yang berkaitan dengan kehidupan keluarga. Setiap individu di Malaysia boleh merujuk kepada undang-undang kekeluargaan sesuai dengan negeri masing-masing.⁷

B. Kedudukan Undang-Undang Jinayah Islam Era Penjajahan dan Pengaruh British 1874 – 1957

Persekutuan Tanah Melayu adalah gabungan 9 negeri Melayu, yaitu Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan dan Johor dan dua negeri Selat, yaitu Pulau Pinang dan Melaka. Empat buah negeri Melayu Bersekutu,

⁷ <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=7538.10:wap2>, *Forum Fiqh Perundangan dan Pengertian Jinayah*, (diunduh pada 21 Desember 2017)

yaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang terpaksa menerima pengaruh British pada awal tahun 1874 setelah Perjanjian Pangkor.

Berawal dengan negeri Perak pada 20 Januari 1874, ia diikuti pula oleh negeri Selangor pada Agustus 1874. Sembilan negeri dalam Negeri Sembilan disatukan dalam satu persekutuan pada tahun 1895 di bawah pemerintahan Yang Di Pertuan Besar dan seorang Residen Inggeris sebagai penasihat. Tahun 1888 pula negeri Pahang terpaksa menerima Residen British.

Empat Negeri Melayu Tidak Bersekutu, yaitu Terengganu, Kelantan, Perlis dan Kedah pula mula dipaksa menerima campurtangan British dalam administrasi negeri selepas Perjanjian Bangkok pada 9 Juli 1909. Bermula dengan Kelantan 1909 dan akhirnya Terengganu pada tahun 1919.

Perlaksanaan Undang-Undang Islam di negeri-negeri di Tanah Melayu berjalan sehingga kedatangan pengaruh British yang memperkenalkan undang-undang Inggeris bagi menggantikan undang-undang Islam yang menjadi undang-undang tempatan secara berperingkat. Ia dilakukan melalui dua cara yaitu:

1. Menguatkuasakan undang-undang bertulis yang bersumberkan undang-undang Inggeris seperti Kanun Keseksaan, Kanun Acara

Jinayah, Kanun Acara Sipil, Enakmen Keterangan, Enakmen Kontrak dan Enakmen Tanah.

2. Mewujudkan prinsip perundangan yang mengikat mahkamah di negeri-negeri Melayu melanjutkan keputusan para hakim di mahkamah yang kebanyakannya terdiri daripada hakim-hakim British. Mereka membuat penghakiman berdasarkan prinsip *Common Law* Inggris.⁸

C. Undang-Undang Jinayah Islam Di Negeri Terengganu

Islam di Terengganu dikesan berpengaruh sekurang-kurangnya pada awal kurun ke delapan Hijriah bersamaan kurun ke 14 Masehi. Ia dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat pada tahun 707 H bersamaan 1303 M di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu. Terakhir, Undang-Undang Jinayah Islam menjadi sebahagian kanun negeri menerusi penyusunan perlembagaan negeri bernama *Itqānul Muluk* di zaman Sultan Zainal Abidin III.

Perlembagaan ini disusun dan dipersetujui oleh Majelis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu pada 11 Zulkaedah 1329 H bersamaan 2 November 1911 M atas nama Sultan Zainal Abidin III

⁸ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), hlm.52

dengan ditandatangani oleh baginda dan semua Ahli Mesyuarat Kerajaan serta dicap dengan cap Sultan Zainal Abidin III sebagai tanda kelulusan, ketetapan dan persetujuan.

D. Pelaksanaan Enakmen Kesalahan Jinayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu dan telah diperkenankan oleh Sultan Terengganu pada 2 September 2002, disiarkan dalam warta pada 23 September 2002 dan diisytiharkan berkuat kuasa pada 27 Oktober 2003.⁹

Umum mengetahui bahwa Enakmen Kesalahan Jinayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M sebagaimana Kanun Jinayah Syariah II Kelantan tidak dapat dikuatkuasakan karena beberapa hambatan sama ada bersifat politik atau bersifat perundangan. Dari sudut politiknya ialah ia tidak mendapat kerjasama daripada kerajaan Persekutuan.

Dari sudut perundangannya ia tidak dapat dikuasakan karena undang-undang jinayah termasuk dalam daftar kuasa Persekutuan, bukan di bawah kuasa negeri. Akta Mahkamah Syariah yang menghadkan hukuman bagi kesalahan jinayah Syariah kepada 3

⁹ Seksyen 1, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

tahun penjara, denda 5 ribu ringgit dan 6 kali cambukan menjadi halangan kepada pelaksanaan Enakmen dan Kanun Jinayah Islam ini.¹⁰

Walaupun begitu, kejayaan mengqanunkan dua enakmen ini di Terengganu dan Kelantan sebagai undang-undang negeri merupakan satu kejayaan membanggakan dalam usaha dakwah kepada rakyat Malaysia khususnya dan juga masyarakat dunia umumnya. Ia menunjukkan bahwa:

1. Mengqanunkan Undang-Undang Jinayah Islam adalah kewajiban bernegara bagi rakyat dan pemerintah Islam.
2. Mengkanunkan Undang-Undang Jinayah Islam bukanlah satu retorik politik tetapi kewajiban pihak berkuasa.
3. Ruang untuk mengkanunkan Undang-Undang Jinayah Islam tetap ada dalam ruang lingkup Perlembagaan Persekutuan menerusi Dewan Undangan Negeri.
4. Usaha mencari ruang untuk Undang-Undang Jinayah Islam dikanunkan sehingga menjadi Undang-Undang Negara menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan mesti diteruskan.

¹⁰ Khairudin Aman Razali, *Taknim Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qishah) Terengganu1423h/2002M; Satu Kewajiban Dan Langkah Dakwah*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2014) hlm. 32

5. Realitas Malaysia sebagai Negara berbilang kaum tidak menjadi penghalang kepada usaha mengkanunkan Undang-Undang Jinayah Islam.
6. Mengkanun Undang-Undang Jinayah Islam memberi ruang dakwah kepada masyarakat Islam sendiri untuk mendekati dan memahaminya secara lebih mendalam di samping ruang dakwah kepada non muslim.
7. Undang-Undang Jinayah Islam adalah alternatif bagi undang-undang jinayah moden yang terbukti gagal menangani jinayah khususnya melibatkan jinayah harta dan jinayah kekerasan.¹¹

E. Isi Kandungan Enakmen Kesalahan Jinayah Syariah (*Hudūd dan Qishah*) Terengganu 1423H/2002M

Enakmen ini menjadikan Undang-Undang Jinayah Islam yang terdiri daripada jinayah *Hudūd*, *Qishah* dan *Takzīr* sebagai bagian dari Undang-Undang Negeri Terengganu. Setiap kesalahan *Hudūd* atau *Qishah* yang tidak dapat dibuktikan menerusi kaidah keterangan *Hudūd* atau *Qishah* maka ia menjadi satu kesalahan *Takzīr* dan dihukumkan berdasarkan kaidah hukuman *Takzīr*. Ini

¹¹ Mohd Khairuddin bin Aman Razali, *muzakarah jenayah syariah kebangsaan 2014 hudud, peluang, cabaran dan tantangan* (Selangor: Dewan bahasa Dan Pustaka,2014), hlm. 34

dapat dilihat lewat Seksyen 3; Jenis-Jenis Kesalahan yang membagikan kesalahan kepada tiga jenis, yaitu:¹²

- a. Kesalahan-kesalahan *hudūd* dan hukumannya dinamakan hukuman *hudūd*.
- b. Kesalahan-kesalahan *qishah* dan hukumannya dinamakan hukuman *qishah*.
- c. Kesalahan-kesalahan *takzīr* dan hukumannya dinamakan hukuman *takzīr* dengan syarat bahwa apabila sesuatu kesalahan *hudūd* atau *qishah* tidak boleh dihukum dengan hukuman *hudūd* atau hukuman *qishah* karena tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan *takzīr* dan hendaklah ia dihukumkan demikian.¹³

1. Tindak Pidana Hudud

Enakmen ini memilih enam daripada tujuh kesalahan *Hudūd* yang masyhur dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh sebagai kesalahan. Ia tidak memasukkan "*Bughah*" atau memberontak dalam senarai kesalahan *Hudūd*. Ini karena kesalahan

¹² Seksyen 3, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

¹³ Seksyen 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

memberontak telah *diqanunkan* dalam Perlembagaan Malaysia atas nama melancarkan peperangan terhadap Yang Dipertuan Agong sebagai sebagian undang-undang negara yang terpakai pada seluruh negeri-negeri. Kesalahan-kesalahan hudud adalah seperti berikut:¹⁴

- a. *Syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan).
- b. *Qazaf* (membuat tuduhan bahwa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi).
- c. Zina (melakukan persetubuhan haram).
- d. *Sariqah* (mencuri).
- e. *Hirabah* (merompak).
- f. *Irtidad* atau *riddah* (keluar dari agama Islam).

2. Pemberlakuan Enakmen

- a. Pemberlakuan Enakmen ini tergantung kepada subseksyen (2), enakmen ini hendaklah diberlakukan ke atas tiap-tiap orang Islam yang *mukallaf* mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Terengganu.

¹⁴ Seksyen 4, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

- b. Tidak ada apa-apa dalam Enakmen ini yang menghalang seseorang yang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya Enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Terengganu dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukan Enakmen ini terpakai ke atasnya seperti juga peruntukan-peruntukan tersebut terpakai ke atas seseorang Islam."¹⁵

Enakmen ini hanya diberlakukan kepada orang Islam dan juga kepada bukan Islam sekiranya mereka membuat pilihan tersebut. Ini bersesuaian dengan kuasa yang ada pada negeri untuk membuat undang-undang di bawah peruntukan Jadwal Kesembilan Perlembagaan Persekutuan hanyalah melibatkan Undang-Undang Syariah yang kuasa Mahkamah Syariah hanya ke atas orang Islam sebagaimana berikut: "keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam".

Pengecualian terhadap bukan Islam melainkan jika mereka memilih *ijtihad* semasa kerajaan negeri Terengganu

¹⁵ Seksyen 59, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1432H/2002M

berdasarkan ruang lingkup kemampuan kuasa yang ada. Allah

SWT berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Artinya :

"Maka hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah selagi kamu mampu". (Surah al-Taghabun: 16)

Dalil pelaksanaan enakmen ini terhadap orang bukan Islam sekiranya mereka memilih, firman Allah SWT:

فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ

شَيْئًا ۗ وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Artinya:

"Maka sekiranya mereka (bukan Islam) datang kepadamu wahai Muhammad maka hukumlah kalangan mereka atau berpalinglah daripada mereka. Dan sekiranya kamu berpaling daripada mereka maka ia sama sekali tidak memudharatkan kamu sesuatu pun. Dan sekiranya kamu menghukum di kalangan mereka maka hukumlah kalangan mereka dengan adil karena Allah suka orang-orang yang berlaku adil". (Surah al-Maidah: 42)

Sekiranya undang-undang *Hudūd* menjadi bagian Undang-Undang Negara dan bukan lagi undang-undang negeri saja dan penguatkuasaannya adalah menerusi mahkamah sipil yang mempunyai bidang kuasa membicarakan semua masyarakat, maka *Hudūd* sepatutnya menjadi undang-undang

yang terpakai pada semua masyarakat, sama ada muslim dan bukan muslim sebagaimana *ijma'* seluruh mazhab Islam dalam bab mencuri dan merampok serta pegangan jumur ulama' dalam lain-lain kesalahan *Hudūd*. Keadaan ini sesuai dengan kesalahan memberontak yang merupakan sebagian dari *Hudūd* tetapi telah menjadi Undang-Undang Negara yang terpakai pada semua.

3. Beberapa Kemusykilan Terhadap Enakmen Kesalahan Jinayah Terengganu

Mereka yang tidak meneliti secara halus dan tidak memahami fiqh Islam ini mempertikaikan beberapa peruntukan Enakmen sehingga menganggapnya tidak berlaku adil. Berikut adalah beberapa isu yang ditimbulkan:

a. Adakah Pemerkosanya Terlepas?

Pemerkosanya terlepas daripada hukuman *Hudūd* jika pembuktian berasaskan keterangan *Hudūd* gagal dibuktikan namun tidak terlepas daripada hukuman *takzīr* jika sabit kesalahan berdasarkan *Qarīnah*. *Qarīnah* adalah pembuktian berdasarkan sepertimana yang telah berlangsung di mahkamah sipil hari ini.

Keterangan *Qarīnah* dalam Enakmen menyebut:

"(1) Kecuali bagi kesalahan zina paksa atau rogol dan seperti yang diperuntukan dalam subseksyen (2) dan (3) keterangan qarinah walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud."¹⁶

b. Wanita Hamil Tanpa Suami

Wanita yang hamil tanpa suami berdasarkan beberapa mazhab adalah bersalah melakukan kesalahan *hudūd* zina. Kandungannya dan keadaannya tidak bersuami adalah bukti kepada kesalahan zina. Maka menjadi tanggungjawab terdakwa mendatangkan bukti sebaliknya. Bukti kandungan itu sebagai bukti zina sekiranya dapat didatangkan sebarang keraguan atau *syubhat* yang menunjukkan sebaliknya seperti dipaksa atau dimasukkan air mani ketika sedang tidur dan seumpamanya walaupun dengan serendah-rendah keraguan maka hukuman Hudud tidak boleh dikenakan¹⁷ berdasarkan kaidah:

(ادرؤو الحدود بالشبهات) رواه البيهقي

"Tolaklah Hudud yang padanya ada keraguan ".¹⁸

¹⁶ Seksyen 49, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

¹⁷ Seksyen 17, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

¹⁸ Mustafa Al-Bugho dan Muhyiddin Misto, *Al-wafi: Syarah Hadith 40 Imam Nawawi*, (Batu Cave: Pustaka Salam, 2010) hlm.43

Keterangan *Qarinah* dalam Enakmen menyebut:

Dalam perkara zina, kehamilan atau kelahiran anak oleh seseorang perempuan yang tidak mempunyai suami hendaklah menjadi kenyataan yang boleh mendapatinya bersalah melakukan zina dan yang demikian hukuman hudud ke atasnya hendaklah dikenakan melainkan jika dia dapat membuktikan sebaliknya.¹⁹

c. Hak Pengampunan Kesalahan Bunuh

Pengampunan kepada pesalah bunuh adalah hak milik wali. Inilah yang ditegaskan dalam Islam. Peruntukan ini dimasukkan dalam Enakmen yaitu Seksyen 31. Pengampunan.

Seseorang wali itu boleh pada kapan pun sebelum hukuman bunuh sebagai hukuman qishah dijalankan, mengampunkan pesalah itu sama ada dengan membayar *diyat* atau tidak; dan sekiranya pengampunan itu diberi dengan bayaran *diyat*; maka *diyat* itu hendaklah dibayar dengan sekaligus saja atau dengan beransur-ansur dalam tempoh tiga tahun mulai dari tanggal putusan yang terakhir dan sekiranya

¹⁹ Seksyen 49, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

dalam tempoh itu pesalah itu mati, maka *diyat* itu hendaklah dibayar daripada pusaka pesalah itu. Jika pesalah itu tiada pusaka, maka *diyat* akan ditanggung oleh Baitulmal.

d. Liwat Istri Kesalahan *Takzīr* Bukan *Hudūd*

Liwat istri adalah kesalahan dalam Islam. Namun ia dimasukkan dalam kategori *Takzīr* bukan termasuk kategori *Hudūd*.²⁰ *Liwat* adalah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada istrinya yang dilakukan di luar tabi'i yaitu melalui dubur.²¹

e. Jenis-Jenis Kesalahan *Takzīr*²²

Kesalahan-kesalahan yang lain daripada kesalahan-kesalahan *hudūd* dan kesalahan-kesalahan *qisās*, tetapi hukumannya diserahkan kepada budi bicara badan perundangan atau mengikut Enakmen ini hukumannya diserahkan kepada budi bicara Mahkamah. Kesalahan-

²⁰ Seksyen 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

²¹ Seksyen 14, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

²² Seksyen 3, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan *takzīr* dan hukumannya dinamakan hukuman *takzīr*.

f. Wanita korban pemerkosaan

Wanita yang mengaku diperkosa berada dalam dua keadaan. Sama ada sememang dia diperkosa atau berbohong yang boleh menyebabkan seseorang yang tidak bersalah dikenakan hukuman perkosa. Untuk itu wanita yang mengaku diperkosa harus mendatangkan bukti sama ada di bawah keterangan Hudud atau di bawah keterangan Ta'zir. Sekiranya dapat dibuktikan dengan keterangan Hudud dan ada empat saksi atau pengakuan pemerkosa maka Hudud dikenakan kepada pemerkosa.

Jika tidak dapat dibuktikan dengan keterangan Hudud tetapi terdapat *Qarīnah* di bawah keterangan *Takzīr* membuktikan pemerkosaan maka kesalahan *Takzīr* dikenakan kepada pemerkosa.²³ Sebaliknya, jika tiada sebarang bukti di bawah keterangan *Hudūd* dan tidak ada bukti *Qarīnah* dibawah keterangan *Takzīr* maka ia adalah satu pembohongan dan dakwaan tidak berasas daripada

²³ Seksyen 50, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

seorang perempuan maka di kala itu pelaksanaan *Hudūd Qazaf* dikenakan kepada wanita tersebut.²⁴ Kecuali terdapat *syubhat* yang meragukan maka *Hudūd* boleh digugurkan.

g. Kesalahan Yang Dikira Kesalahan *Qazaf*.²⁵

- a) Seseorang yang menuduh dirinya diperkosa oleh orang tertentu dengan tidak mengemukakan bukti (nyata) yang dikehendak oleh Syarak berkaitan dengannya atau dengan tiada sebarang *qarīnah* bagi menyokong tuduhannya itu telah melakukan kesalahan *qazaf*.
- b) Aduan oleh seorang perempuan yang dia diperkosa oleh orang tertentu tanpa berupaya membawa saksi yang disyaratkan tetapi ada *qarīnahnya*, hendaklah disiasat dan jika syarat-syarat yang dikehendaki Syarak tidak dipenuhi untuk menghukum pesalah di bawah hukuman *hudūd* dan sebaliknya ada cukup bukti yang tidak boleh disangkalkan dengan keterangan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang menunjukkan pesalah telah melakukan persetubuhan ke atasnya dengan kekerasan dan tanpa

²⁴ Seksyen 8, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

²⁵ Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qishah) Terengganu 1423H/2002M

kerelaannya maka pesalah itu hendaklah dihukum dengan hukuman *takzīr* dan perempuan itu tidak boleh dikatakan telah melakukan *qazaf*.